



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTU PENTERNAK, KELANTAN SERIUS PERKASA SEKURITI MAKANAN, KELANTAN, HAKAH, M/S – 10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	INSIDEN SENGATAN IKAN KETUKA JARANG BERLAKU, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	CALL TO STRENGTHEN PROTECTION OF VULNERABLE SPECIES, VIEWS, THE STAR, M/S – 14	LAIN – LAIN
4.	PERAK TENGAH ANGKAT DURIAN KE GLOBAL, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
5.	DURIAN KOPI MAHU LAWAN DURI HITAM, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bantu penternak, Kelantan serius perkasa sekuriti makanan

KOTA BHARU: Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan komitmen memperkukuh sekuriti makanan dan kestabilan industri penternakan tempatan apabila membuka permohonan Bantuan Kerajaan Negeri Tahun 2026 melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (DVS Kelantan).

Inisiatif tersebut menyasarkan penternak dan usahawan ternakan berpotensi bagi meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, menambah pendapatan pengusaha serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar negeri.

Menurut DVS Kelantan, permohonan dibuka bermula 1 hingga 31 Januari 2026 melibatkan pelbagai bentuk sokongan merangkumi Bantuan Pawah Ternakan seperti lembu hibrid, kambing ternusu dan rusa, selain Bantuan Input Pertanian termasuk mesin chopper, mesin rumput, tong silaj serta peralatan sokongan ladang.

Selain itu, kerajaan negeri turut menyediakan ban-



Permohonan melabkan pelbagai bentuk sokongan merangkumi Bantuan Pawah Ternakan selain Bantuan Input Pertanian.

tuan pembangunan kepada usahawan Industri Asas Tani ternakan (IATn), latihan dan kursus kemahiran, Program

Pembangunan NAIMbif serta pembangunan industri unggas sebagai usaha memperkukuh rantai nilai sektor pen-

ternakan negeri. Bantuan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang menetap di Kelantan, be-

rumur antara 18 hingga 55 tahun, berdaftar dengan DVS Kelantan sekurang-kurangnya setahun serta memiliki ID Pre-mis yang sah. Pemohon juga perlu komited terhadap pelaksanaan projek dan bersedia dipantau sepanjang tempoh bantuan.

DVS Kelantan menegaskan bahawa bantuan yang sama tidak dibenarkan diterima secara bertindih dalam tempoh tiga tahun bagi memastikan aghhan lebih adil dan berkesan.

Dari segi permohonan, penternak perlu melalui saringan awal secara dalam talian melalui Borang Google atau kod QR sebelum mengambil dan menghantar borang rasmi ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan mengikut lokasi ladang.

Langkah berkenaan mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri memperkasakan industri penternakan sebagai antara tonggak penting ekonومي luar bandar dan jaminan bekalan makanan rakyat Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

Insiden sengatan ikan ketuka jarang berlaku

Georgetown: Kejadian sengatan ikan ketuka di Pulau Pinang disifatkan sebagai kes terpencil kerana jarang berlaku dan tidak membabitkan laporan berulang atau kluster yang signifikan, khususnya di Pantai Tanjung Asam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengarah Perikanan negeri Zarina Zainuddin berkata, setakat ini Pantai Tanjung Asam tidak dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi terhadap kehadiran ikan ketuka atau lebih dikenali sebagai pari ketuka kerana kawasan itu tidak mempunyai sejarah konsisten kemunculan spesies itu.

Bagaimanapun, jabatan itu mengambil perhatian insiden membabitkan seorang kanak-kanak lelaki 10 tahun disengat ikan ketuka ketika mandi di pantai terbabit dengan pemantauan berkala akan diteruskan bagi memastikan keselamatan pengunjung.

"Ikan ini adalah kumpulan ikan pari daripada keluarga Dasyatidae, lazimnya lebih aktif serta mendekati kawasan pantai cetek ketika musim panas dan peralihan monsun apabila suhu air serta keadaan ombak sesuai untuk aktiviti pemakanan atau pembiakan, tetapi kehadirannya tidak menentu dan

"Kekeruhan air dan struktur dasar yang menjadi habitat semula jadi antara faktor kehadirannya ke kawasan pantai"

Zarina

sukar diramal.

"Perubahan arus yang membawa nutrien atau sumber makanan seperti udang dan ikan kecil, aktiviti manusia termasuk pembuangan sisa makanan atau sisa akuakultur tidak terkawal, kekeruhan air dan struktur dasar yang menjadi habitat semula jadi antara faktor kehadirannya ke kawasan pantai," katanya.

Zarina berkata, bisa ikan pari tertumpu pada duri bahagian ekor dan mengandungi campuran protein kompleks yang bersifat termolabil iaitu boleh terurai apabila terdedah kepada haba.

Pada 3 Januari lalu, kanak-kanak, Zaeed Khan Wazir Khan, 10, dikejarkan ke Hospital Pulau Pinang selepas disengat ikan ketuka ketika mandi di Pantai Tanjung Asam Gertak Sanggul pada kira-kira jam 5 petang. - BERNAMA

Call to strengthen protection of vulnerable species

DURING a recent visit in Miri, I went to a fish market a short walk away from the hotel where I was staying. Many visitors, locals and tourists alike, would naturally explore the market, but what I encountered there left me in shock and dismay.

On display for sale were carcasses of juvenile hammerhead sharks priced at RM10 each (pic). I paused, not out of anger but out of sadness.

Recognised globally for their ecological importance and vulnerability, hammerhead sharks are a protected species under Malaysian law. They are slow-growing, slow-breeding animals, and their populations are particularly sensitive to overfishing, especially when juveniles are taken before they can mature and reproduce.

Sarawak is known for its extraordinary natural wealth both on land and at sea. The jungles and marine ecosystems are part of what makes this state spe-

cial. In fact, divers and nature enthusiasts from around the world willingly spend huge amounts of money and travel great distances for the chance to

see hammerhead sharks alive, gliding through open water. These experiences generate long-term value, not just economic returns but also pride, reputation

align fully with these goals.

Such efforts are not about restricting livelihoods, but about safeguarding resources so that they continue to support communities today and in the future. Healthy seas mean resilient fisheries, stronger tourism potential and a reputation as a state that values balance between development and conservation.

I wrote this letter not in criticism but in hope: hope that Sarawak continues to lead by example; hope that enforcement agencies are supported with the resources they need; and hope that together – government, communities and the public – we can ensure that our children inherit oceans still rich with life, wonder and possibility.

Protecting a baby hammerhead shark today is, in many ways, protecting Sarawak's future tomorrow.

Conservation cannot succeed by blame alone. It succeeds through clarity, support and consistent enforcement that helps everyone understand where the boundaries are and why they matter.

Sarawak has repeatedly expressed its commitment to sustainability, environmental stewardship and responsible monitoring of fish markets, improving outreach to fishing communities, and reinforcing existing wildlife protection laws would be positive steps that

align fully with these goals.

Such efforts are not about restricting livelihoods, but about safeguarding resources so that they continue to support communities today and in the future. Healthy seas mean resilient fisheries, stronger tourism potential and a reputation as a state that values balance between development and conservation.

I wrote this letter not in criticism but in hope: hope that Sarawak continues to lead by example; hope that enforcement agencies are supported with the resources they need; and hope that together – government, communities and the public – we can ensure that our children inherit oceans still rich with life, wonder and possibility.

Protecting a baby hammerhead shark today is, in many ways, protecting Sarawak's future tomorrow.

Conservation cannot succeed by blame alone. It succeeds through clarity, support and consistent enforcement that helps everyone understand where the boundaries are and why they matter.

Sarawak has repeatedly expressed its commitment to sustainability, environmental stewardship and responsible monitoring of fish markets, improving outreach to fishing communities, and reinforcing existing wildlife protection laws would be positive steps that

align fully with these goals.



see hammerhead sharks alive, gliding through open water. These experiences generate long-term value, not just economic returns but also pride, reputation

COLLIN SWEE
Kuala Lumpur

Perak Tengah angkat durian ke global

Raja buah mampu tarik
pelancong, stabilkan
pendapatan pekebun

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPONH - Industri durian berpotensi
besar diangkat sebagai antara tarik-
an utama pelancongan sempena
"Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY2026),
memandangkan 'raja buah' itu mempunyai
peminat di peringkat antarabangsa.

Pengerusi Persatuan Pembangunan
Komuniti Perak Tengah, Nordin Abdul Malek
berkata, ia juga menjadi serampang dua
mata bagi membantu menangani isu lambak-
an hasil dan menstabilkan pendapatan pe-
kebun tempatan.

Menurutnya, ketika ini berlaku lebihan
pengeluaran durian berikutan musim ber-
buah yang serentak di beberapa daerah dan
negeri selain tempoh musim yang kelihatan
berpanjangan.

"Kita tidak boleh bergantung kepada
jualan buah segar semata-mata. Industri hili-
ngan dan idea promosi baharu perlu diperkasa-

kan supaya durian bukan sahaja habis dijual,
malah memberi nilai tambah kepada eko-
nomi setempat.

"Penganjuran Festival Durian
Antarabangsa Kampung Gajah 2025 yang
kami anjurkan dari Oktober hingga
November tahun lalu membuktikan buah
ini mampu menarik pelancong anta-
rabangsa," katanya kepada *Sinar
Harian*.

Nordin berkata, festival berkenaan
menarik antara 5,000 hingga 10,000
pengunjung termasuk dari luar Perak
seperti Kuala Lumpur, Johor dan
Kelantan, selain pelancong dari
Selatan Thailand, sekali gus me-
lonjakkan permintaan durian.

Katanya, penggunaan me-
dia sosial dan sokongan liput-
an media turut memainkan
peranan mempromosikan
acara itu sehingga me-
narik kehadiran
diplomat ser-
ta pe-
lancong luar
negeri.

"Ini satu isyarat jelas industri durian boleh
dibesarkan dan dikomersialkan lebih serius.
"Ia seharusnya menjadi 'wake up call'
kepada semua pihak termasuk kerajaan,
pengusaha dan persatuan komuniti untuk
bekerjasama," katanya.

Menurut Nordin, Kampung Gajah dan
daerah Perak Tengah sudah mempunyai
jenama tersendiri sebagai pengeluar
durian kampung organik. Justeru
pengaturan acara berskala besar
tidak seharusnya dianggap sukar
untuk dilaksanakan.

Bagaimanapun, beliau me-
lahirkan rasa kesal apabila masih
wujud kekangan kerjasama
daripada sesetengah agen-
si di peringkat daerah
semasa penganjuran
festival berkenaan.

"Sepatutnya se-
mula pihak beri sokong-
an kerana durian ada-
lah industri lama yang
menyumbang kepada
ekonomi negeri.

"Tanpa kerjasama,

Durian Perak Tengah

Lokasi utama: Bota, Kampung Gajah,
Pait, Lambor Kanan dan Lambor Kiril
Jumlah pengusahaan: 2,239 orang
Keluasan: 2,095 hektar
Jumlah pokok: 167,600
Pengeluaran semusim: 4,297 metrik tan
Jenis/varieti durian: Kampung, organik,
paduka, kunyit, kucing tidur, musang
king
Musim: Oktober-Disember
Keistimewaan: Rasa lemak pahit, manis
berkrim & aroma kuat
Pemasaran: Jualan terus dusun, gerai
lari jalan & pasar larian
Potensi: Tarikan agropelancongan &
produk tempatan Perak

potensi besar ini akan tenggelam dan gagal
memberi pendapatan lumayan kepada ma-
syarakat," katanya.

Katanya, industri durian wajar dijadikan
antara tarikan pelancongan VMY2026
khususnya di Perak Tengah, namun perlu
digabungkan dengan produk pelancongan
lain, bersifat mampan seperti pelancongan
warisan, pendidikan, gastronomi dan agro-



NORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2026	KOSMO	NEGARA	14



ZULKIFLY menunjukkan durian kopi yang menjadi rebutan di Kampung Damak di Jerantut semalam.

Durian kopi mahu lawan duri hitam

- **Harga kekal kerana permintaan terlalu tinggi**
- **Isinya kurang berserat dan halus**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

JERANTUT – Ketika harga durian kayangan termasuk musang king dan duri hitam jatuh merudum, durian hutan dikenali sebagai durian kopi tidak tergugat.

Pada masa ini durian berkenaan yang hanya terdapat di Kampung Damak di sini dijual dengan harga kira-kira RM25 sekilo berlainan dengan musang king yang dijual RM10 sekilo.

Pemilik durian kopi, Zulkifly Mahmud, 59, berkata, pada masa ini harga durian berkenaan kekal bertahan kerana mendapat permintaan yang begitu tinggi daripada orang ramai.

"Keunikan rasa buahnya yang lain daripada lain dengan ada rasa seperti kopi atau nescafe membuatkan menjadi rebutan penggemar durian.

"Setiap hari saya menerima tempahan dan sememangnya tidak mampu menampung permintaan memandangkan hanya ada sepokok sahaja yang berbuah pada kali ini," katanya di sini semalam.

Jelasnya, tarikan buah berkenaan terletak pada rasanya yang berbeza dengan buah durian lain selain isi buah yang halus dan kurang berserat.

Katanya, buah yang boleh mencapai berat sehingga tiga kilogram itu semakin dikenali di Damak yang menyaksikan ramai penggemar durian sanggup datang ke sini untuk menikmati durian nescafe dan mencari benih buah berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, pokok durian berkenaan ditanam oleh bapanya yang menyemai biji durian kira-kira 40 tahun lalu.

Katanya, setakat ini pokok berkenaan telah berbuah tiga kali setahun dengan kira-kira 100 biji buah setiap kali.

"Saya tidak pasti daripada mana arwah bapa saya ambil benih buah ini yang unik bukan sahaja rasa dan baunya malah bunganya berwarna merah jambu," ujarnya.